

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 APRIL 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 28

Bantu syarikat PKS beralih keadah RE

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
bisnes@hmetro.com.my

Bangi

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) bakal melancarkan kerangka kerja baharu di bawah industri alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) pada akhir tahun ini.

Menterinya, Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz berkata, pelancaran rangka kerja baharu itu akan membantu syarikat untuk memahami kaedah beralih kepada tenaga boleh diperbaharui (RE), terutama membabitkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang bukan sahaja memerlukan bantuan kewangan, tetapi pembinaan kapasiti.

"Ketika ini banyak pasaran eksport kita yang meminta pengeksport mempunyai garis masa untuk memenuhi kepatuhan ESG. Jadi, jika produk tidak patuh ESG, mereka tidak boleh memasarkannya ke pasaran berkenaan. Kita perlu menyediakan syarikat kita terutama PKS untuk patuh dengan keperluan ESG"

"Justeru, kita perlu menyediakan syarikat kita terutama PKS untuk patuh dengan keperluan ESG," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melancarkan Sistem Simpanan Tenaga Bateri (BESS) untuk

RE buatan Malaysia yang pertama di sini, semalam. Terdahulu dalam ucapan

pelancarannya, Tengku Zafrul berkata, kehadiran BESS boleh menjadi salah satu inisiatif utama di bawah Dasar Automotif Negara 2020 untuk menyokong pembangu-

nan Pusat Kebolehooperasian Kenderaan Elektrik (EVIC). Katanya, ini akan selanjutnya

mempertingkatkan integrasi grid pintar antara EV dan infrastruktur di Malaysia.

"Perkembangan ini akan menyokong kedua-dua industri hulu dan hiliran selain melengkapkan bekalan-permintaan guna semula bateri, penjaan kuasa dan inisiatif pengurangan karbon.

"Perkembangan ini juga akan menyokong hala tuju Dasar Tenaga Negara 2022-2040 yang banyak bergantung pada penerimaan RE dan peralihan tenaga negara daripada pergantungan bahan api fosil," katanya.

Bisnes



TENGGU Zafrul (tengah) bersama Pengerusi Citaglobal Genetec BESS, Tan Sri Mohamad Norza Zakaria (kanan) dan Pengarah Urusan Genetec Technology Berhad, Chin Kem Weng melawat bilik BESS. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

MITI LANCAR RANGKA KERJA ESG AKHIR TAHUN INI

BANTU SYARIKAT PKS BERALIH KAEDAH RE

Ketika ini banyak pasaran eksport kita yang meminta pengeksport mempunyai garis masa untuk memenuhi kepatuhan ESG. Jadi, jika produk tidak patuh ESG, mereka tidak boleh memasarkannya ke pasaran berkenaan. Kita perlu menyediakan syarikat kita terutama PKS untuk patuh dengan keperluan ESG"

Tengku Zafrul